# SOALAN LAZIM

1. **Apa itu Cukai Pintu ?**

   *Cukai pintu ialah cukai yang dikenakan ke atas setiap harta berkadar yang terletak di kawasan pentadbiran kadaran Majlis dan cukai ini digunakan untuk menampung segala kos pentadbiran Majlis serta kos penyediaan dan penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada pembayar-pembayar cukai.*

2. **Apakah Harta-Harta Berkadar Yang Wajib Dikenakan Cukai Pintu ?**

   *Harta-harta berkadar yang wajib dikenakan cukai pintu ialah termasuklah mana-mana pegangan hakmilik/geran hartanah yang mempunyai atau tidak apa-apa bangunan atau apa-apa struktur yang terletak di atas tanah atau melekap mati di atas tanah mengikut peruntukan Seksyen 72, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Pindaan 2000).*

3. **Apakah Harta-Harta Berkadar Yang Boleh Dikecualikan Cukai Pintu?**
   - *Tempat beribadah (seperti Masjid, Gereja, Kuil dan sebagainya)*
   - *Tanah perkuburan awam*
   - *Bangunan-bangunan sekolah dan tidak menghasilkan keuntungan*
   - *Harta-harta yang digunakan kebajikan dan tidak menghasilkan keuntungan seperti hospital dan klinik awam*
   - *Tempat riadah dan sukan serta tidak menghasilkan keuntungan*
   - *Harta-harta Majlis*
   - *Harta-harta yang diluluskan Yang Di-Pertua Negeri Sabah dan diwartakan dalam Warta Kerajaan*

4. **Siapakah Yang Bertanggungjawab Ke atas Cukai Pintu?**
   - *Cukai pintu ini dipertanggungjawabkan kepada pemilik/penghuni ke atas harta-harta berkadar mengikut peruntukan Seksyen 82, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961*
   - *Cukai pintu ini boleh dituntut daripada penyewa/penghuni ke atas harta-harta berkadar tersebut mengikut peruntukan Seksyen 92, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961*